

FAQ INSENTIF REBAT RAHMAH PENGAMAL MEDIA

1) Apakah Insentif Rebат RAHMAH Pengamal Media?

Insentif Rebат RAHMAH Pengamal Media ialah tawaran rebat bil telefon pelan pascabayar (*postpaid*) bagi pengamal media untuk bil bulan September 2023. Pemberian ini merupakan pemberian secara *one off* khusus buat pengamal media bersempena dengan Hari Malaysia tertakluk kepada Terma dan Syarat dari syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile, YTL Communications (Yes) dan XOX Berhad/XOX Com Sdn Bhd.

2) Siapakah yang layak menerima Insentif Rebат RAHMAH Pengamal Media?

Insentif Rebат RAHMAH Pengamal Media ini terbuka kepada pengamal media berstatus Warganegara Malaysia yang memegang Kad Perakuan Media yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) yang masih belum tamat tempoh serta sedang melanggan pelan pascabayar (*postpaid*) dengan telco terlibat.

3) Apakah yang harus dilakukan oleh pengamal media untuk menikmati Insentif Rebат RAHMAH Pengamal Media ini?

Pengamal Media yang layak perlu mengemaskini nombor telefon pascabayar (*postpaid*) dan maklumat lain yang berkaitan melalui Sistem eMedia JaPEN di pautan <http://emedia.penerangan.gov.my/> sebelum 10 September 2023 untuk menikmati Insentif Rebат RAHMAH Pengamal Media ini.

4) Bagaimanakah permohonan rebat Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media boleh dibuat?

Permohonan tidak perlu dibuat oleh pengamal media yang layak kerana akan dibuat secara automatik berdasarkan data daripada JaPen. Semakan boleh dibuat pada bil masing-masing.

5) Bilakah rebat di bawah Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media akan boleh mula dinikmati pengamal media yang layak?

Pemberian rebat bulan September 2023 adalah bergantung kepada kitaran bil pihak telco yang terlibat. Sebagai contoh rebat bagi bulan September 2023 mungkin akan boleh dinikmati oleh pelanggan pada bulan Oktober 2023 atau pada bulan seterusnya hanya untuk 1 kali sahaja (*one off*). Pelanggan boleh berhubung dengan pihak telco masing-masing untuk maklumat lanjut.

Pemberian rebat ini hanya terhad kepada bayaran komitmen bulanan sahaja tertakluk kepada Terma dan Syarat dari syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile, YTL Communications (Yes) dan XOX Berhad/XOX Com Sdn Bhd.

6) Bagaimanakah saya boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media?

Anda boleh menghubungi *hotline* telco yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile, YTL Communications (Yes) dan XOX Berhad/XOX Com Sdn Bhd.

Nota:

FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media. Setiap telco akan mengeluarkan FAQ terperinci bagi penawaran Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media berdasarkan spesifikasi masing-masing.